

# Dr. Mahathir, Pak Lah sapu bersih pencalonan 27 bahagian

UM 20 MAR 2000

KUALA LUMPUR 19 Mac  
— Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyapu bersih kesemua 27 pencalonan untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden dalam mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian hari ini.

Dengan itu bermakna kedua-dua pemimpin tertinggi UMNO tersebut setakat ini memperoleh sebanyak 78 pencalonan daripada 165 bahagian parti yang jauh melepasi kelayakan bertanding untuk kedua-dua jawatan berkenaan.

Terdapat satu percubaan dari UMNO bahagian Johor Bahru mencalonkan jawatan Presiden dan dua bahagian iaitu Kuantan dan Sungai Siput hari ini untuk jawatan Timbalan Presiden kepada Tengku Razaleigh Hamzah.

## Berpihak

Bagaimanapun kemenangan berpihak kepada Dr. Mahathir dan Abdullah.

Kesemua 27 UMNO bahagian yang 'memilih' Dr. Mahathir dan Abdullah itu ialah Parit Sulong, Seri Gading, Nibong Tebal, Arau, Ipoh Timur, Sungai Siput, Johor Bahru, Ipoh Barat dan Kuala Langat.

Turut bersidang Jasin, Lumut, Klang, Gopeng, Sabak Bernam, Gelang Patah, Serdang, Jempol, Taiping, Bayan Baru, Kapar, Labuan, Sandakan, Kuantan, PJ Utara, Hulu Langat, Segambut dan Hulu Selangor.